

24 JAN 1998

DEDAHKAN NAMA YANG MEMINDAHKAN RINGGIT KE LUAR NEGERI

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) mengecap tokoh-tokoh korporat yang memindah wang bernilai berbilion juta ringgit ke luar negeri sebagai pengkhianat dan meminta kerajaan mendedahkan nama-nama mereka kepada pengetahuan umum.

"Pendedahan ini sebagai suatu bentuk hukuman terhadap mereka serta pengajaran bagi yang lain," kata Naib Presidennya Abdul Halim Haji Ismail dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Abim juga menggesa pihak swasta terutamanya badan korporat, membuktikan komitmen dan rasa tanggungjawab mereka memulihkan keadaan ekonomi negara dengan cara mengatur langkah bersama dan bersepadu dengan kerajaan.

Abim, katanya, sependapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa rakyat harus bersikap lebih patriotik dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Golongan bawahan, kata beliau, termasuk pegawai kerajaan sudah membuktikan pengorbanan mereka seperti pemotongan gaji dan pekerja sektor tertentu pula rela tidak menerima kenaikan gaji, bahkan sebahagian mereka sanggup menerima separuh daripada gaji masa lalu.

"Namun, di pihak yang lain terdapat beberapa kerat tokoh korporat yang memekakkan telinga dan tidak peka terhadap sebarang saranan dan gesaan.

Mereka telah diberi pelbagai peluang hingga akhirnya menjadi jutawan, memiliki kekayaan dan harta termasuk di luar negeri, namun bersikap terlalu mementingkan diri sendiri dan tanpa sedikitpun menunjukkan mereka mempunyai semangat patriotik, katanya. -- BERNAMA

ZKS RON